

11.

D.R. 20/93

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Cap Dagangan 1976.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cap Dagangan (Pindaan) 1993 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*; dan tarikh yang berlainan boleh ditetapkan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan yang berlainan dalam Akta ini. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Subseksyen 2(2) Akta Cap Dagangan 1976, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "pendaftaran-pendaftaran cap dagangan, yang dilakukan" dengan perkataan-perkataan "cap-cap dagangan yang didaftarkan". Pindaan seksyen 2. Akta 175
3. Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 3.
 - (a) dalam subseksyen (1)—
 - (i) dalam takrif "batasan" dengan memasukkan selepas perkataan "Malaysia" dalam

perenggan (c) perkataan-perkataan "atau penggunaan berhubung dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang akan disediakan di suatu tempat di luar Malaysia";

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan "barang-barang" di mana jua terdapat dalam takrif "cap dagangan" perkataan-perkataan "atau perkhidmatan-perkhidmatan";

(iii) dengan memasukkan selepas takrif "daftar-daftar dahulu" yang berikut:

' "dalam perjalanan perdagangan", berhubung dengan penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan, ertinya dalam perjalanan perniagaan;';

(iv) dengan memasukkan selepas takrif "Mahkamah" yang berikut:

' "negara asing ditetapkan" ertinya sesuatu negara yang diisytiharkan oleh Menteri, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, sebagai telah membuat perkiraan dengan Malaysia bagi perlindungan salingan cap dagangan;

"negara Konvensyen" ertinya sesuatu negara yang menjadi pihak kepada mana-mana triti berbilang pihak berhubung dengan cap dagangan yang Malaysia adalah juga pihak kepadanya;';

(v) dengan memasukkan selepas takrif ' "Pendaftar", "Timbalan Pendaftar" dan "Penolong Pendaftar" 'yang berikut:

"penentuan" ertinya nama barang atau perkhidmatan yang mengenainya sesuatu cap dagangan atau seseorang

pengguna berdaftar sesuatu cap dagangan didaftarkan atau dicadang didaftarkan;'; dan

- (vi) dalam takrif "penggunaan yang dibenarkan" dengan memasukkan selepas perkataan "barang-barang" perkataan-perkataan "atau perkhidmatan-perkhidmatan"; dan

(b) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan memotong perkataan "dan" di akhir perenggan (a)\
- (ii) dengan menggantikan noktah di akhir perenggan (b) dengan perkataan "; dan" ; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) yang berikut;

"(c) sebutan mengenai penggunaan suatu cap berhubung dengan perkhidmatan-perkhidmatan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai penggunaan cap itu sebagai suatu pernyataan atau sebahagian pernyataan tentang tersedianya atau pelaksanaan perkhidmatan-perkhidmatan."

4. Seksyen 4 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 4.

- (a) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Maka hendaklah ada seorang Pendaftar Cap Dagangan" dengan perkataan-perkataan "Menteri boleh melantik seseorang untuk menjadi Pendaftar Cap Dagangan"; dan
- (b) dalam subseksyen (3) dengan memotong perkataan-perkataan "ditetapkan oleh Menteri atau".

Pindaan
seksyen 5.

5. Seksyen 5 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) yang berikut:

"(2A) Sebagai tambahan kepada pejabat wilayah cap dagangan yang ditubuhkan di Negeri Sabah dan Sarawak, maka bolehlah ditubuhkan sekian bilangan pejabat cap dagangan yang perlu bagi maksud-maksud Akta ini."; dan

(b) dengan memotong perkataan "wilayah" di mana jua terdapat dalam subseksyen (3).

Pmdaan
seksyen 8.

6. Subseksyen 8(3) Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "wilayah".

Pindaan
seksyen 9.

7. Perenggan 9(b) Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "wilayah".

Pindaan
seksyen 10.

8. Seksyen 10 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan "barang-barang" dalam perenggan (d) perkataan-perkataan "atau perkhidmatan-perkhidmatan"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan-perkataan "yang distinktif" dalam perenggan (e) dengan perkataan-perkataan "distinktif yang lain";

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) yang berikut:

"(2A) Bagi maksud-maksud seksyen ini, "distinktif", berhubungan dengan cap dagangan yang didaftarkan atau yang dicadang didaftarkan mengenai barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan, ertinya ia disesuaikan untuk membezakan barang-barang atau perkhidmatan-

perkhidmatan yang dengannya tuan punya cap dagangan itu ada atau mungkin ada hubungan dalam perjalanan perdagangan daripada barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan yang dalam halnya tiada hubungan sedemikian wujud, sama ada secara amnya atau, jika cap dagangan itu didaftarkan atau dicadang didaftarkan, tertakluk kepada syarat-syarat, pindaan-pindaan, ubahsuaian-ubahsuaian atau batasan-batasan, berhubungan dengan penggunaan dalam takat pendaftaran itu.

(2B) Dalam menentukan sama ada sesuatu cap dagangan itu disesuaikan untuk berbeza sebagaimana yang tersebut dahulu, perhatian bolehlah diberikan kepada takat yang—

- (a) cap dagangan itu disesuaikan pada asasnya untuk berbeza sebagaimana yang tersebut dahulu; dan
 - (b) oleh sebab penggunaan cap dagangan itu atau oleh sebab apa-apa hal keadaan lain, cap dagangan itu pada hakikatnya disesuaikan untuk berbeza sebagaimana yang tersebut dahulu."; dan
- (c) dalam subseksyen (3)—
- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "barang" perkataan-perkataan "atau perkhidmatan"; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan-perkataan "barang-barang yang sama atau yang berlainan" dengan perkataan-perkataan "barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan yang sama atau barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan yang berlainan".

Pindaan
seksyen 11.

9. Seksyen 11. Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan yang berikut:

"(1) Untuk membolehkan sesuatu cap dagangan didaftarkan dalam Bahagian B Daftar, cap dagangan itu mestilah, berhubungan dengan barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan yang mengenainya cap dagangan itu didaftarkan atau dicadang didaftarkan, boleh membezakan barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan yang dengannya tuan punya cap dagangan itu ada atau mungkin ada hubungan dalam perjalanan perdagangan daripada barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan yang dalam halnya tiada hubungan sedemikian wujud, sama ada secara arttitiya atau, jika cap dagangan itu didaftarkan atau dicadang didaftarkan, tertakluk kepada syarat-syarat, pindaan-pindaan, ubahsuaian-ubahsuaian atau batasan-batasan, berhubungan dengan penggunaan dalam takat pendaftaran itu.";

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang berikut:

"(1A) Dalam menentukan sama ada sesuatu cap dagangan boleh membezakan sebagaimana yang tersebut dahulu, perhatian bolehlah diberikan kepada takat yang—

- (a) cap dagangan itu pada asasnya boleh membezakan sebagaimana yang tersebut dahulu; dan
 - (b) oleh sebab penggunaan cap dagangan itu atau oleh sebab apa-apa hal keadaan lain, cap dagangan-itu pada hakikatnya boleh membezakan sebagaimana yang tersebut dahulu.";
- dan

(c) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "barang" perkataan-perkataan "atau perkhidmatan"; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan-perkataan "barang-barang yang sama atau barang-barang yang berlainan" dengan perkataan-perkataan "barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan yang sama atau barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan yang berlainan".

10. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 12 dengan yang berikut: Penggantian seksyen 12.

"Peng-
gunaan
oleh peng-
guna ber-
daftar yang
dicadang-
kan boleh
ditimbang
bagi
maksud
menentu-
kan ke-
distinktifan
dsb.

12. (1) Jika sesuatu permohonan bagi pendaftaran cap dagangan telah dibuat oleh seseorang, dan sebelum tarikh permohonan itu cap dagangan itu telah digunakan oleh seseorang yang selain daripada pemohon itu di bawah kawalan dan dengan persetujuan dan kuasa pemohon, dan jika sesuatu permohonan dibuat oleh pemohon dan orang yang satu lagi itu bagi pendaftaran orang yang satu lagi itu sebagai pengguna berdaftar cap dagangan itu selepas sahaja pendaftaran cap dagangan itu dan Pendaftar berpuas hati bahawa orang yang satu lagi itu berhak didaftarkan sebagai pengguna berdaftar cap dagangan itu, Pendaftar boleh, bagi maksud menentukan sama ada cap dagangan itu adalah distinktif atau boleh membezakan barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan pemohon, mengira penggunaan cap dagangan itu oleh orang yang satu lagi sebagai setara dengan penggunaan cap dagangan itu oleh pemohon dan boleh membuat perintah bahawa cap dagangan itu adalah distinktif atau boleh membezakan sedemikian.

(2) Sesuatu perintah Pendaftar di bawah seksyen kecil (1) adalah tertakluk kepada rayuan kepada Mahkamah.

(3) Jika sesuatu perintah dibuat di bawah seksyen kecil (1), pendaftaran cap dagangan itu hendaklah terhenti berkuatkuasa jika apabila tamat tempoh yang ditetapkan, atau apa-apa tempoh lanjut yang tidak melebihi enam bulan yang dibenarkan oleh Pendaftar, orang yang satu lagi itu belum didaftarkan sebagai pengguna berdaftar cap dagangan itu."

Pindaan
seksyen 14.

11. Seksyen 14 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memotong perkataan "dan" di akhir perenggan (a)\

(b) dengan menggantikan noktah di akhir perenggan (b) dengan perkataan "; atau"; dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (b) yang berikut:

"(c) jika ia mengandungi perkara yang pada pendapat Pendaftar memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan atau keselamatan negara."

Pindaan
seksyen 16.

12. Seksyen 16 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "mati atau hidup" dengan perkataan-perkataan "hidup atau mati".

Pindaan
seksyen 17.

13. Seksyen 17 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perkataan "barang-barang" dalam nota birai perkataan-perkataan "atau perkhidmatan-perkhidmatan";

(b) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan "hendaklah" dengan perkataan "boleh"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan-perkataan "terdiri dari suatu klas barang-barang yang ditetapkan" dengan perkataan-perkataan "termasuk dalam suatu klas barang yang ditetapkan atau mengenai mana-mana atau semua perkhidmatan yang termasuk dalam suatu klas perkhidmatan yang ditetapkan"; dan

(c) dengan menggantikan perkataan-perkataan "dari klas manakah barang-barang terdiri" dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan "dalam klas manakah barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan itu termasuk,".

14. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 19 dengan yang berikut; Penggantian seksyen 19.

Cap-cap dagangan yang serupa. 19. (1) Tiada cap dagangan boleh didaftarkan mengenai apa-apa barang atau perihal barang—

(a) yang serupa dengan suatu cap dagangan yang dipunyai oleh tuan punya yang berlainan dan dicatatkan dalam Daftar mengenai barang-barang atau perihal barang yang sama atau mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang ada hubungan rapat dengan barang-barang itu; atau

(b) yang sebegitu hampir-hampir menyerupai cap dagangan itu sehingga mungkin memperdaya atau menyebabkan kekeliruan.

(2) Tiada cap dagangan boleh didaftarkan mengenai apa-apa perkhidmatan atau perihal perkhidmatan—

(a) yang serupa dengan suatu cap dagangan yang dipunyai oleh tuan punya yang berlainan dan dicatatkan dalam Daftar

mengenai perkhidmatan-perkhidmatan atau perihal perkhidmatan yang sama atau mengenai barang-barang yang ada hubungan rapat dengan perkhidmatan-perkhidmatan itu; atau

(b) yang sebegitu hampir-hampir menyerupai cap dagangan itu sehingga mungkin memperdaya atau menyebabkan kekeliruan.

(3) Jika permohonan-permohonan yang berasingan dibuat oleh orang-orang yang berlainan supaya masing-masing didaftarkan sebagai tuan punya cap dagangan yang serupa atau sebegitu hampir-hampir menyerupai satu sama lain sehingga mungkin memperdaya atau menyebabkan kekeliruan dan—

(a) permohonan-permohonan itu adalah mengenai barang-barang atau perihal barang yang sama; atau

(b) sekurang-kurangnya satu daripada permohonan sedemikian adalah mengenai barang-barang dan yang lain atau lain-lain itu adalah mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang ada hubungan rapat dengan barang-barang itu,

Pendaftar boleh enggan mendaftarkan mana-mana pemohon itu sehingga hak-hak mereka ditentukan oleh Mahkamah atau diselesaikan melalui perjanjian mengikut cara yang diluluskan olehnya atau oleh Mahkamah.

(4) Jika permohonan-permohonan yang berasingan dibuat oleh orang-orang yang berlainan supaya masing-masing didaftarkan sebagai tuan punya cap dagangan yang serupa

atau yang sebegitu hampir-hampir menyerupai satu sama lain sehingga mungkin memperdaya atau menyebabkan kekeliruan dan—

- (a) permohonan-permohonan itu adalah mengenai perkhidmatan-perkhidmatan atau perihal perkhidmatan yang sama; atau
- (b) sekurang-kurangnya satu daripada permohonan sedemikian adalah mengenai perkhidmatan-perkhidmatan dan yang lain atau lain-lain itu adalah mengenai barang-barang yang ada hubungan rapat dengan perkhidmatan-perkhidmatan itu,

Pendaftar boleh enggan mendaftarkan mana-mana pemohon itu sehingga hak-hak mereka ditentukan oleh Mahkamah atau diselesaikan melalui perjanjian mengikut cara yang diluluskan olehnya atau oleh Mahkamah."

15. Seksyen 20 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 20.

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan yang berikut:

"(1) Walau apa pun seksyen kecil (1) seksyen 19, dalam hal penggunaan serentak yang jujur atau dalam hal-hal keadaan yang diperihalkan dalam perenggan (c) seksyen kecil (4) seksyen 6 atau dalam hal-hal keadaan khas yang lain yang, pada pendapat Mahkamah atau Pendaftar, mewajarkan dibuat sedemikian, Mahkamah atau Pendaftar boleh membenarkan pendaftaran lebih daripada seorang tuan punya mengenai cap-cap dagangan yang serupa atau yang sebegitu hampir-hampir menyerupai satu sama lain sehingga mungkin memperdaya atau menyebabkan kekeliruan jika pendaftaran tuan punya yang berlainan itu—

- (a) adalah mengenai barang-barang atau perihal barang yang sama; atau

- (b) dalam hal sekurang-kurangnya seorang tuan punya, adalah mengenai barang-barang, dan dalam hal yang lain atau yang lain-lain, adalah mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang ada hubungan rapat dengan barang-barang itu,

tertakluk kepada apa-apa syarat, pindaan, ubahsuaian atau batasan, jika ada, yang Mahkamah atau Pendaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan, fikirkan patut dikenakan."; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang berikut:

"(!A) Walau apa pun seksyen kecil (2) seksyen 19, dalam hal penggunaan serentak yang jujur atau dalam hal-hal keadaan khas yang lain yang, pada pendapat Mahkamah atau Pendaftar, mewajarkan dibuat sedemikian, Mahkamah atau Pendaftar boleh membenarkan pendaftaran lebih daripada seorang tuan punya mengenai cap-cap dagangan yang serupa atau yang sebegitu hampir-hampir menyerupai satu sama lain sehingga mungkin memperdaya atau menyebabkan kekeliruan jika pendaftaran tuan punya yang berlainan itu—

- (a) adalah mengenai perkhidmatan-perkhidmatan atau perihal perkhidmatan yang sama; atau
- (b) dalam hal sekurang-kurangnya seorang tuan punya, adalah mengenai perkhidmatan-perkhidmatan, dan dalam hal yang lain atau yang lain-lain, adalah mengenai barang-barang yang ada hubungan rapat dengan perkhidmatan-perkhidmatan itu,

tertakluk kepada apa-apa syarat, pindaan, ubahsuaian atau batasan, jika ada, yang

Mahkamah atau Pendaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan, fikirkan patut dikenakan.".

16. Seksyen 21 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "barang-barang" dalam perenggan (1)(b) perkataan-perkataan "atau perkhidmatan-perkhidmatan". Pindaan seksyen 21.

17. Seksyen 22 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 22.

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan yang berikut:

"(1) Jika sesuatu cap dagangan yang didaftarkan atau yang menjadi subjek sesuatu permohonan bagi pendaftaran mengenai apa-apa barang—

(a) adalah serupa dengan cap dagangan yang lain yang didaftarkan atau yang menjadi subjek sesuatu permohonan bagi pendaftaran atas nama tuan punya yang sama mengenai barang-barang atau perihal barang yang sama atau mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang ada hubungan rapat dengan barang-barang itu; atau

(b) adalah sebegitu hampir-hampir menyerupainya sehingga mungkin memperdaya atau menyebabkan kekeliruan jika digunakan oleh seseorang yang selain daripada tuan punya itu,

Pendaftar boleh pada bila-bila masa menghendaki supaya cap-cap dagangan itu dicatatkan dalam Daftar sebagai cap-cap dagangan berkaitan.";

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang berikut:

"(1A) Jika sesuatu cap dagangan yang didaftarkan atau yang menjadi subjek sesuatu

permohonan bagi pendaftaran mengenai apa-apa perkhidmatan—

- (a) adalah serupa dengan cap dagangan yang lain yang didaftarkan atau yang menjadi subjek sesuatu permohonan bagi pendaftaran atas nama tuan punya yang sama mengenai perkhidmatan-perkhidmatan atau perihal perkhidmatan yang sama atau mengenai barang-barang yang ada hubungan rapat dengan perkhidmatan-perkhidmatan itu; atau
- (b) adalah sebegitu hampir-hampir menyerupainya sehingga mungkin memperdaya atau menyebabkan kekeliruan jika digunakan oleh seseorang selain daripada tuan punya itu,

Pendaftar boleh pada bila-bila masa menghendaki supaya cap-cap dagangan itu dicatatkan dalam Daftar sebagai cap-cap dagangan berkaitan."; dan

- (c) dengan memasukkan selepas perkataan "barang-barang" dalam subseksyen (2) perkataan-perkataan "atau perkhidmatan-perkhidmatan".

Pindaan
seksyen 24

18. Subseksyen 24(1) Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "barang-barang dari perihal yang sama" perkataan-perkataan "dalam satu kelas atau mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang sama atau mengenai perkhidmatan-perkhidmatan dari perihal yang sama dalam satu kelas"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan "barang-barang" dalam perenggan (a) perkataan-perkataan "atau perkhidmatan-perkhidmatan".

19. Seksyen 25 Akta ibu adalah dipinda—Pindaan
seksyen 25.

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan "barang-barang" dalam subseksyen (2) perkataan-perkataan "atau perkhidmatan-perkhidmatan"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "telah tidak disetujuterima" dalam subseksyen (12) perkataan-perkataan "atau, berkenaan dengan cap dagangan yang hendaklah didaftarkan tertakluk kepada syarat-syarat atau batasan-batasan tambahan atau yang berlainan sahaja, mengeluarkan semula suatu penyetujuterimaan baru tertakluk kepada syarat-syarat atau batasan-batasan tambahan atau yang berlainan".

20. Seksyen 26 Akta ibu adalah dipinda—Pindaan
seksyen 26.

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan "barang-barang" di mana jua terdapat dalam subseksyen (1) perkataan-perkataan "atau perkhidmatan-perkhidmatan";
- (b) dalam subseksyen (3)—
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "apa-apa barang" perkataan-perkataan "atau perkhidmatan"; dan
 - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "mengenai barang-barang" di mana jua terdapat perkataan-perkataan "atau perkhidmatan-perkhidmatan"; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan "jika permohonan itu disertai dengan suatu permohonan" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "jika permohonan telah dibuat".

21. Seksyen 27 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "permohonan itu dibuat di bawah perenggan (e) seksyen-kecil (1) seksyen 10" dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan "pertimbangan-pertimbangan dalam seksyen kecil (2e) seksyen 10 atau seksyen kecil (1A) seksyen 11 terpakai".Pindaan
seksyen 27.

Pindaan
seksyen 28.

22. Seksyen 28 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perkataan "Pendaftar" dalam subseksyen (1) perkataan-perkataan "dan pemohon";

(b) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan yang berikut:

"(3) Pemohon hendaklah, dalam masa yang ditetapkan selepas diterima notis bangkangan, menghantar kepada Pendaftar dan pembangkang suatu pernyataan balas, mengikut cara yang ditetapkan, mengenai alasan-alasan bagi permohonannya, dan, jika dia tidak berbuat demikian, dia hendaklah disifatkan telah menggugurkan permohonannya itu.";

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) yang berikut:

"(3A) Jika pemohon mengemukakan suatu pernyataan balas di bawah seksyen kecil (3), pembangkang dan pemohon hendaklah memfailkan keterangan dan ekshibit mengikut cara yang ditetapkan dan dalam masa yang ditetapkan bagi menyokong bangkangan atau pernyataan balas itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang hendaklah dikemukakan mengikut cara yang ditetapkan, dan jika pembangkang atau pemohon gagal berbuat demikian, bangkangan atau permohonan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah disifatkan telah digugurkan.

(3s) Jika pemohon memfailkan keterangan dan ekshibit di bawah seksyen kecil (3A), pembangkang boleh, dalam masa yang ditetapkan, menghantar kepada Pendaftar dan pemohon keterangan menjawab yang hendaklah dikemukakan mengikut cara yang ditetapkan.";

(d) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan yang berikut:

"(4) Selepas menimbang keterangan dan ekshibit dan selepas memberikan kepada pemohon dan pembangkang peluang untuk membuat hujah bertulis, Pendaftar hendaklah memutuskan sama ada—

- (a) untuk enggan mendaftarkan cap dagangan itu ;
- (b) untuk mendaftarkan cap dagangan itu secara mutlak ; atau
- (c) untuk mendaftarkan cap dagangan itu tertakluk kepada apa-apa syarat, pindaan, ubahsuaian atau batasan yang difikirkannya patut."; dan

(e) dalam subseksyen (10)—

- (i) dengan menggantikan perkataan "tuntutan-balas" dengan perkataan "pernyataan balas";
- (ii) dengan memotong perkataan-perkataan "suatu salinan";
- (iii) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "perniagaan di Malaysia," perkataan-perkataan "Pendaftar atau";
- (iv) dengan memotong perkataan-perkataan "di hadapan Mahkamah"; dan
- (v) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "tidak diberi dengan sewajarnya," perkataan-perkataan "Pendaftar atau".

23. Seksyen 29 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 29.

- (a) dengan menggantikan perkataan "disetuju-terima" dalam subseksyen (1) dengan perkataan "diselesaikan"; dan

(b) dengan menggantikan perkataan "disetujui-terima" dalam subseksyen (2) dengan perkataan "diselesaikan".

Pindaan
seksyen 31.

24. Subseksyen 31(2) Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memotong perkataan "atau" di akhir perenggan (a);

(b) dengan menggantikan perkataan "Mahkamah," dalam perenggan (b) dengan perkataan-perkataan "Mahkamah; atau"; dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (b) yang berikut:

"(c) sesuatu tindakan pihak Pejabat Pusat Cap Dagangan atau mana-mana pejabat cap dagangan,".

Pindaan
seksyen 32.

25. Subseksyen 32(1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "tujuh" dengan perkataan "sepuluh".

Pindaan
seksyen 33.

26. Seksyen 33 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "barang atau benda" dalam nota birai dengan perkataan-perkataan "barang, benda atau perkhidmatan";

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "barang atau benda" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "barang, benda atau perkhidmatan";

(c) dalam subseksyen (2)—

(i) dengan memotong perkataan "atau" di akhir perenggan (a);

(ii) dengan menggantikan koma di akhir perenggan (b) dengan perkataan "; atau"; dan

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) yang berikut:

"(c) bahawa perkataan atau perkataan-perkataan itu telah digunakan secara terkenal dan pasti sebagai nama atau perihal perkhidmatan oleh orang atau orang-orang yang menyediakan perkhidmatan yang termasuklah perkhidmatan itu iaitu bukan telah digunakan berhubung dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang dengan penyediaannya tuan punya atau pengguna berdaftar cap dagangan itu ada hubungan dalam perjalanan perdagangan,"; dan

(d) dalam subseksyen (3)—

- (i) dengan menggantikan perkataan-perkataan "perenggan (a) atau (b)" dengan perkataan-perkataan "perenggan (a), (b) atau (c)";
- (ii) dengan menggantikan perkataan-perkataan "barang atau benda yang berkenaan itu atau mengenai barang-barang dari perihal yang sama" dalam perenggan (a) dengan perkataan-perkataan "barang, benda atau perkhidmatan yang berkenaan atau apa-apa barang atau perkhidmatan daripada perihal yang sama";
- (iii) dengan menggantikan perkataan-perkataan "barang atau benda yang berkenaan itu atau mengenai barang-barang dari perihal yang sama" dalam perenggan (b) dengan perkataan-perkataan "barang, benda atau perkhidmatan yang berkenaan atau apa-apa barang atau perkhidmatan daripada perihal yang sama";

- (iv) dengan menggantikan perkataan-perkataan "barang atau benda itu atau apa-apa barang dari perihal yang sama" dalam perenggan (b) dengan perkataan-perkataan "barang, benda atau perkhidmatan yang berkenaan atau apa-apa barang atau perkhidmatan daripada perihal yang sama";
- (v) dengan menggantikan perkataan-perkataan "barang atau benda yang berkenaan itu atau berhubung dengan apa-apa barang dari perihal yang sama" dalam perenggan (c) dengan perkataan-perkataan "barang, benda atau perkhidmatan yang berkenaan atau apa-apa barang atau perkhidmatan daripada perihal yang sama"; dan
- (vi) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "perenggan (a)" dalam perenggan (c) perkataan-perkataan "atau (c)".

Pindaan
seksyen 35.

27. Seksyen 35 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1) dengan memasukkan selepas perkataan "barang" perkataan-perkataan "atau perkhidmatan" dan selepas perkataan "barang-barang" perkataan-perkataan "atau perkhidmatan-perkhidmatan"; dan
- (b) dengan memotong perkataan-perkataan "sama ada bagi barang-barang yang sama atau bagi barang-barang yang berlainan" dalam subseksyen (2).

Pindaan
seksyen 37.

28. Perenggan 37(c) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "barang-barang" perkataan-perkataan "atau perkhidmatan-perkhidmatan".

Pindaan
seksyen 38.

29. Seksyen 38 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1)—
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "dalam perjalanan per-

dagangan berhubung dengan barang-barang" perkataan-perkataan "atau perkhidmatan-perkhidmatan";

- (ii) dengan memotong perkataan "atau" yang terdapat di akhir perenggan (a);
- (iii) dengan menggantikan noktah di akhir perenggan (b) dengan perkataan "; atau"; dan
- (iv) dengan memasukkan selepas perenggan (b) yang berikut:

"(c) dalam hal yang penggunaan itu adalah penggunaan di tempat atau hampir dengan tempat di mana perkhidmatan itu boleh didapati atau dilaksanakan atau dalam suatu pekililing iklan atau iklan lain yang dikeluarkan kepada orang ramai, sebagai mengertikan suatu rujukan kepada seseorang yang mempunyai hak sama ada sebagai tuan punya berdaftar atau sebagai pengguna berdaftar untuk menggunakan cap dagangan itu atau kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang dengan penyediaannya orang itu ada hubungan dalam perjalanan perdagangan."; dan

- (b) dengan memasukkan selepas perkataan "barang-barang" dalam subseksyen (2) perkataan-perkataan "atau perkhidmatan-perkhidmatan".

30. Seksyen 40 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 40.

- (a) dalam subseksyen (1)

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "barang-barangnya," dalam perenggan (b) perkataan-perkataan "atau perkhidmatan-perkhidmatannya, dan dalam hal barang-barang";

cap dagangan itu, Mahkamah boleh menolak sesuatu permohonan yang dibuat di bawah seksyen kecil (1)—

- (a) berhubung dengan apa-apa barang, jika telah ada, sebelum tarikh yang relevan itu atau semasa tempoh yang relevan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, penggunaan suci hati cap dagangan itu oleh tuan punya berdaftar cap dagangan pada masa itu berhubung dengan barang-barang daripada perihal yang sama, iaitu barang-barang yang mengenainya cap dagangan itu didaftarkan; dan
- (b) berhubung dengan apa-apa perkhidmatan, jika telah ada, sebelum tarikh yang relevan itu atau semasa tempoh yang relevan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, penggunaan suci hati cap dagangan itu oleh tuan punya berdaftar cap dagangan pada masa itu berhubung dengan perkhidmatan-perkhidmatan daripada perihal yang sama, iaitu perkhidmatan-perkhidmatan yang mengenainya cap dagangan itu didaftarkan .";
- (c) dengan memotong perkataan-perkataan "atau Pendaftar" di mana jua terdapat dalam subseksyen (3); dan
- (d) dengan memasukkan selepas sub-seksyen (3) yang berikut:

"(3A) Jika berhubung dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang mengenainya sesuatu cap dagangan didaftarkan—

- (a) perkara yang disebutkan dalam perenggan (b) seksyen kecil (1) adalah ditunjukkan setakat yang berkenaan dengan kemungkiran menggunakan

cap dagangan itu berhubungan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan di tempat tertentu di Malaysia; dan

- (b) seseorang telah dibenarkan di bawah seksyen 20 untuk mendaftarkan sesuatu cap dagangan yang serupa atau yang hampir-hampir menyerupai cap dagangan mengenai perkhidmatan-perkhidmatan itu di bawah suatu pendaftaran yang meliputi penggunaan cap dagangan berhubungan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan di tempat itu, atau Mahkamah berpendapat bahawa orang itu boleh dibenarkan dengan patut untuk mendaftarkan cap dagangan itu,

Mahkamah boleh, atas permohonan orang itu, mengarahkan supaya pendaftaran cap dagangan yang pertama disebut itu dikenakan apa-apa syarat, pindaan, ubahsuaian atau batasan yang difikirkan patut oleh Mahkamah bagi menjamin pendaftaran itu tidak lagi meliputi penggunaan cap dagangan itu berhubungan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan di tempat itu.";

- (e) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "seksyen-kecil (3)" dalam subseksyen (4) perkataan-perkataan "atau (3A)"; dan
- (f) dengan memotong subseksyen (5).

35. Subseksyen 47(1) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "barang-barang" perkataan-perkataan "atau perkhidmatan-perkhidmatan".

Pindaan
seksyen 47.

Penggantian
seksyen 48.

36. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 48 dengan yang berikut:

"pengguna berdaftar. 48. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen ini, jika tuan punya berdaftar sesuatu cap dagangan memberi, melalui kontrak yang sah, hak kepada mana-mana orang untuk menggunakan cap dagangan itu bagi semua atau mana-mana barang atau perkhidmatan yang mengenainya cap dagangan itu didaftarkan, orang itu bolehlah dicatatkan dalam Daftar sebagai pengguna berdaftar cap dagangan yang tersebut sama ada dengan atau tanpa apa-apa syarat atau sekatan, dengan syarat bahawa hendaklah menjadi syarat mana-mana pendaftaran sedemikian bahawa tuan punya berdaftar itu hendaklah mengekalkan dan menjalankan kawalan ke atas penggunaan cap dagangan itu dan ke atas kualiti barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh pengguna berdaftar itu berkaitan dengan cap dagangan itu.

(2) Jika seseorang dicadangkan didaftarkan sebagai pengguna berdaftar sesuatu cap dagangan, tuan punya berdaftar hendaklah mengemukakan permohonan kepada Pendaftar bagi pendaftaran orang itu sebagai pengguna berdaftar cap dagangan itu dan permohonan itu hendaklah disertai fee yang ditetapkan dan maklumat yang berikut:

- (a) gambaran cap dagangan berdaftar itu;
- (b) nama, alamat dan alamat untuk penyampaian pihak-pihak;
- (c) barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan yang mengenainya pendaftaran itu dicadangkan;
- (d) apa-apa syarat atau sekatan yang dicadangkan berkenaan dengan ciri-ciri barang atau perkhidmatan itu, cara atau tempat penggunaan yang dibenarkan itu atau apa-apa perkara lain; dan

(e) sama ada penggunaan yang dibenarkan itu adalah bagi sesuatu tempoh atau tanpa had tempoh, dan jika bagi sesuatu tempoh, jangka masa tempoh itu.

(3) Tuan punya berdaftar hendaklah memberi kepada Pendaftar apa-apa dokumen, maklumat atau keterangan lanjut yang dikehendaki oleh Pendaftar atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(4) Apabila diterima permohonan bagi pendaftaran seseorang sebagai pengguna berdaftar sesuatu cap dagangan di bawah seksyen kecil (2), Pendaftar hendaklah mencatatkan dalam Daftar segala butir yang dikehendaki diberikan di bawah seksyen kecil itu.

(5) Jika seseorang telah didaftarkan sebagai pengguna berdaftar sesuatu cap dagangan, penggunaan cap dagangan itu oleh pengguna berdaftar itu dalam had pendaftarannya hendaklah disifatkan sebagai penggunaan oleh tuan punya berdaftar cap dagangan itu sehingga takat yang sama seperti penggunaan cap dagangan itu oleh pengguna berdaftar dan hendaklah disifatkan sebagai bukan penggunaan oleh mana-mana orang lain.

(6) Peruntukan-peruntukan seksyen kecil (5) hendaklah terhenti berkuatkuasa berkenaan dengan mana-mana pengguna berdaftar sesuatu cap dagangan—

(a) jika cap dagangan itu terhenti menjadi cap dagangan berdaftar atas apa-apa sebab;

(b) jika barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan yang baginya cap dagangan itu didaftarkan kemudiannya dihadkan sehingga menyingkirkan mana-mana atau kesemua barang atau

perkhidmatan yang mengenainya pendaftaran pengguna berdaftar itu telah dibuat;

- (c) jika tuan punya berdaftar itu terhenti menjalankan kawalan ke atas penggunaan cap dagangan itu dan ke atas kualiti barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh pengguna berdaftar yang berkenaan berhubungan dengan cap dagangan itu;
- (d) pada tarikh tamatnya pendaftaran yang akhir cap dagangan itu melainkan jika suatu permohonan baru yang dibuat di bawah seksyen kecil (2) menyertai apa-apa permohonan bagi pembaharuan pendaftaran cap dagangan itu;
- (e) pada tarikh apa-apa penyerahhakan atau perpindahan cap dagangan berdaftar itu, melainkan jika dan sehingga penurunan hakmilik itu direkodkan dalam Daftar mengikut peruntukan-peruntukan Akta ini dan tuan punya kemudian cap dagangan berdaftar itu membuat permohonan baru di bawah seksyen kecil (2).

(7) Jika tuan punya berdaftar sesuatu cap dagangan tidak menjalankan mana-mana hak yang diberikan kepadanya oleh pendaftarannya sehingga memudaratkan mana-mana pengguna berdaftar cap dagangan itu, pengguna berdaftar itu boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan apa-apa relief yang difikirkan adil oleh Mahkamah, termasuk pembetulan Daftar dengan memerintahkan supaya pengguna berdaftar itu direkodkan sebagai tuan punya berdaftar cap dagangan itu, dan dalam hal jika penggunaan cap dagangan itu oleh mana-mana orang yang berhak menggunakannya mungkin akan memperdaya

atau menyebabkan kekeliruan, Mahkamah boleh memerintahkan supaya cap dagangan itu dihapuskan daripada Daftar, walau apa pun peruntukan-peruntukan seksyen 37.

(8) Peruntukan-peruntukan seksyen 62 hendaklah terpakai bagi apa-apa prosiding di bawah seksyen kecil (7) yang mungkin membawa kepada apa-apa perubahan atau pembetulan Daftar."

37. Seksyen 49 Akta ibu adalah dipinda—

Pmdaan
seksyen 49.

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan "barang-barang" dalam perenggan (a) perkataan-perkataan "atau perkhidmatan-perkhidmatan";

(ii) dengan menggantikan perenggan (c) dengan yang berikut:

"(c) boleh dibatalkan oleh Pendaftar atas permohonan .tuan punya berdaitar."; dan

(iii) dengan memotong perenggan (d);

(b) dengan memasukkan selepas perkataan "barang" dalam subseksyen (2) perkataan-perkataan "atau perkhidmatan"; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) yang berikut:

"(3) Apa-apa keputusan Pendaftar di bawah seksyen kecil (1) atau (2) adalah tertakluk kepada rayuan kepada Mahkamah.

38. Seksyen 50 Akta ibu adalah dipotong.

Pemotongan
seksyen 50.

39. Seksyen 53 Akta ibu adalah dipotong.

Pemotongan
seksyen 53.

40. Seksyen 54 Akta ibu adalah dipotong.

Pemotongan
seksyen 54.

Pindaan
seksyen 55.

41. Seksyen 55 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan "barang-barang" di mana jua terdapat dalam subseksyen (1) perkataan-perkataan "atau perkhidmatan-perkhidmatan";
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang berikut:

"(1A) Seksyen kecil (1) hendaklah mempunyai kuatkuasa dalam hal sesuatu cap dagangan tak berdaftar yang digunakan berhubungan dengan apa-apa barang atau perkhidmatan sebagaimana yang ia mempunyai kuatkuasa dalam hal sesuatu cap dagangan berdaftar yang didaftarkan mengenai apa-apa barang atau perkhidmatan, jika pada masa penyerahhakan atau perpindahan cap dagangan tak berdaftar itu ia digunakan atau telah digunakan dalam perniagaan yang sama sebagaimana cap dagangan berdaftar, dan jika ia diserahhakan atau dipindahkan atau telah diserahhakan atau telah dipindahkan pada masa yang sama dan kepada orang yang sama sebagaimana cap dagangan berdaftar itu dan mengenai barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan yang kesemuanya adalah barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan yang berhubungan dengannya cap dagangan tak berdaftar itu adalah atau telah digunakan dalam perniagaan itu dan mengenainya cap dagangan berdaftar itu adalah atau telah diserahhakan atau dipindahkan.";

- (c) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan yang berikut:

"(3) Walau apa pun seksyen kecil (1) dan (1A), sesuatu cap dagangan hendaklah disifatkan tidak boleh diserahhakan atau dipindahkan jika, akibat daripada

penyerahhakan atau perpindahan itu, sama ada di bawah common law atau melalui pendaftaran, lebih daripada seorang daripada orang-orang yang berkenaan akan mempunyai hak eksklusif untuk menggunakan sesuatu cap dagangan yang serupa atau untuk menggunakan cap dagangan yang sebegitu hampir-hampir menyerupai satu sama lain sehingga mungkin memperdaya atau menyebabkan kekeliruan.";

(d) dengan menggantikan subseksyen (5) dengan yang berikut:

"(5) Jika sesuatu penyerahhakan mengenai mana-mana barang atau perkhidmatan sesuatu cap dagangan yang pada masa penyerahhakan itu digunakan dalam perniagaan dalam barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan itu dibuat selain daripada berkaitan dengan muhibbah perniagaan itu, penyerahhakan itu tidak boleh disifatkan telah berkuatkuasa melainkan jika penyerahhakan itu telah diiklankan mengikut cara yang ditetapkan dan permohonan bagi penyerahhakan tanpa muhibbah itu, yang disertai dengan iklan itu, telah dihantar kepada Pendaftar."; dan

(e) dengan memotong subseksyen (6).

42. Seksyen 56 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 56.

(a) dengan memasukkan selepas perkataan "barang" atau "barang-barang" masing-masingnya di mana jua terdapat dalam subseksyen (1) dan (2) perkataan-perkataan "atau perkhidmatan" atau "atau perkhidmatan-perkhidmatan";

(b) dalam subseksyen (3)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan "barang" atau "barang-barang" masing-masingnya di mana jua terdapat, kecuali

dalam perenggan (b), perkataan-perkataan "atau perkhidmatan" atau "atau perkhidmatan-perkhidmatan";

- (ii) dengan memotong perkataan "atau" di akhir perenggan (a);
- (iii) dengan menggantikan noktah di akhir perenggan (b) dengan perkataan "; atau"; dan
- (iv) dengan memasukkan selepas perenggan (b) yang berikut:

"(c) dalam hal yang penggunaan itu adalah penggunaan di tempat atau hampir dengan tempat di mana perkhidmatan-perkhidmatan itu boleh didapati atau dilaksanakan atau dalam suatu pekeliling iklan atau iklan lain yang dikeluarkan kepada orang ramai, sebagai bererti suatu rujukan kepada orang yang mempunyai hak sama ada sebagai tuan punya atau sebagai pengguna berdaftar untuk menggunakan cap dagangan itu atau perkhidmatan-perkhidmatan yang dengan penyediaannya orang itu ada hubungan dalam perjalanan perdagangan.";

(c) dalam subseksyen (4) dengan memasukkan selepas perkataan "pasaran," perkataan-perkataan "berhubung dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang akan disediakan di sesuatu tempat";

(d) dalam subseksyen (5)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "memadamkannya" koma bertitik dan memotong perkataan-perkataan "atau jika tuanpunya berdaftar itu telah pada

bila-bila masa memersetujui dengan nyata atau dengan cara fahaman penggunaan cap dagangan itu; atau" dalam perenggan (a);

- (ii) dengan memasukkan selepas perenggan (a) yang berikut:

"(aa) jika tuan punya berdaftar telah pada bila-bila masa secara nyata atau tersirat memersetujui penggunaan cap dagangan itu; atau;" dan

- (iii) dengan memasukkan selepas perkataan "barang-barang" di mana jua terdapat dalam perenggan (b) perkataan-perkataan "atau perkhidmatan-perkhidmatan";

- (e) dengan menggantikan nombor "(3)" dalam subseksyen (8) dengan nombor "(2)" ;
- (f) dengan memasukkan selepas perkataan "barang-barang" di mana jua terdapat dalam subseksyen (10) perkataan-perkataan "atau perkhidmatan-perkhidmatan";
- (g) dengan memasukkan selepas perkataan "barang-barang" dalam perenggan (11)(a) perkataan-perkataan "atau perkhidmatan-perkhidmatan";
- (h) dengan memasukkan selepas perkataan "barang-barang" dalam perenggan (15)(a) perkataan-perkataan "atau perkhidmatan-perkhidmatan"; dan
- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "barang-barang" dalam subseksyen (17) perkataan-perkataan "atau perkhidmatan-perkhidmatan".

43. Seksyen 57 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "barang" atau "barang-barang" masing-masingnya di mana jua terdapat perkataan-perkataan "atau perkhidmatan" atau "atau perkhidmatan-perkhidmatan".

Pindaan
seksyen 57.

Pindaan
seksyen 58.

44. Seksyen 58 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "barang-barang" perkataan-perkataan "atau perkhidmatan-perkhidmatan".

Pindaan
seksyen 64.

45. Seksyen 64 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (3) dengan yang berikut:

"(3) Dalam apa-apa tindakan atau prosiding berhubung dengan sesuatu cap dagangan atau nama dagangan, Pendaftar atau Mahkamah, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah menerima keterangan tentang kelaziman perdagangan yang berkenaan atau keterangan tentang kelaziman perniagaan dalam penyediaan perkhidmatan yang berkenaan, dan keterangan tentang mana-mana cap dagangan atau nama dagangan atau nama perniagaan atau cara gayanya yang relevan yang digunakan dengan sah oleh orang-orang lain."

Pindaan
seksyen 65.

46. Seksyen 65 teks bahasa Inggeris Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "from the Registrar" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "from the Register".

Pindaan
seksyen 66.

47. Seksyen 66 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Yang di-Pertuan Agong" dalam nota birai dan dalam subseksyen (1) dengan perkataan "Menteri"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan "barang-barang" di mana jua terdapat dalam takrif "cap dagangan" dalam subseksyen (2) perkataan-perkataan "atau perkhidmatan-perkhidmatan".

Pemotongan
seksyen 68.

48. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 68.

49. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan kepala Bahagian XIV dengan yang berikut:

Pindaan
kepala
Bahagian
XIV.

**"KONYENSYEN DAN PEKKIRAAN
ANTARABANGSA".**

50. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan untuk mendapatkan perhdungan apa-apa cap seksyen 70 dengan yang berikut:

Periggantian
seksyen 70.

"Hak
keutamaan
di bawah
Konvensyen,
dsb.

70. (1) Jika mana-mana orang telah memohon untuk mendapatkan perlindungan apa-apa cap dagangan di sesuatu negara Konvensyen atau negara asing ditetapkan, orang itu atau wakil di sisi undang-undangnya atau pemegang serahhaknya, setelah membuat perisytiharan dalam masa yang ditetapkan yang menunjukkan tarikh permohonan itu dan negara di mana ia dibuat, hendaklah, berkenaan dengan permohonan bagi pendaftaran cap dagangannya, mendapat hak keutamaan dan permohonan itu di Malaysia hendaklah mempunyai tarikh yang sama seperti tarikh permohonan bagi perlindungan di negara Konvensyen atau negara asing ditetapkan yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, tertakluk kepada yang berikut:

- (a) bahawa permohonan bagi pendaftaran itu dibuat dalam tempoh enam bulan dari tarikh permohonan bagi perlindungan di negara Konvensyen atau negara asing ditetapkan yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan jika permohonan bagi perlindungan dibuat di lebih daripada satu negara Konvensyen atau negara asing ditetapkan, tempoh enam bulan yang disebut dalam perenggan ini hendaklah dikira dari tarikh yang permohonan yang lebih awal atau yang paling awal itu dibuat;

- (b) bahawa pemohon itu ialah sama ada rakyat atau pemastautin, atau pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di bawah undang-undang, negara Konvensyen atau negara asing ditetapkan yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (c) bahawa tiada apa-apa dalam seksyen ini memberikan hak kepada tuan punya sesuatu cap dagangan untuk mendapatkan ganti rugi bagi pelanggaran atau apa-apa kejadian sebelum tarikh yang permohonan bagi perlindungan cap dagangan itu dibuat di Malaysia.

(2) Walau apa pun apa-apa peruntukan lain Akta ini, pendaftaran sesuatu cap dagangan yang berkenaan dengannya hak keutamaan wujud tidak boleh ditolak atau dibatalkan semata-mata oleh sebab penggunaan cap dagangan itu oleh mana-mana orang lain di Malaysia semasa tempoh enam bulan yang tersebut.

(3) Permohonan bagi pendaftaran sesuatu cap dagangan yang berkenaan dengannya hak keutamaan wujud—

- (a) hendaklah dibuat mengikut dan diperlakukan dengan cara yang sama seperti suatu permohonan biasa bagi pendaftaran di bawah Akta ini; dan
- (b) hendaklah menyatakan negara Konvensyen atau negara asing ditetapkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, di mana permohonan bagi perlindungan, atau permohonan pertama bagi perlindungan, dibuat dan tarikh yang permohonan bagi perlindungan itu dibuat.

(4) Berkenaan dengan negara asing ditetapkan, seksyen ini hendaklah terpakai hanya bagi jangka masa tempoh yang perintah

itu terus berkuatkuasa berkenaan dengan negara itu.

(5) Bagi maksud-maksud Akta ini, Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengisytiharkan sesuatu negara sebagai telah membuat perkiraan dengan Malaysia bagi perlindungan salingan cap dagangan."

51. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 70 yang berikut: Seksyen baru
70A.

“Perlindungan sementara cap dagangan mengenai barang atau perkhidmatan yang menjadi hai perkara pameran antara-bangsa. 70A. (1) Walau apa pun apa-apa jua dalam Akta ini, perlindungan sementara hendaklah diberikan kepada sesuatu cap dagangan mengenai barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan yang menjadi hal perkara pameran di suatu pameran antarabangsa rasmi atau pameran antarabangsa yang diiktiraf sebagai rasmi yang diadakan di Malaysia atau di mana-mana negara Konvensyen atau negara asing ditetapkan.

(2) Perlindungan sementara yang diberikan di bawah seksyen kecil (1) tidaklah melanjutkan apa-apa tempoh keutamaan yang dituntut oleh seseorang pemohon dan jika hak keutamaan dituntut oleh seseorang pemohon kemudian daripada perlindungan sementara itu, tempoh keutamaan itu hendaklah kekal enam bulan tetapi tempoh itu hendaklah bermula dari tarikh yang barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan itu diperkenalkan ke dalam pameran itu,

(3) Seseorang pemohon bagi pendaftaran sesuatu cap dagangan yang barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatannya menjadi hal perkara pameran di suatu pameran antarabangsa rasmi atau pameran antarabangsa yang diiktiraf sebagai rasmi di Malaysia atau di mana-mana negara Konvensyen atau negara asing ditetapkan dan yang memohon untuk mendapatkan pendaftaran cap itu di Malaysia

dalam tempoh enam bulan dari tarikh yang barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan itu mula-mula menjadi hal perkara pameran itu hendaklah, atas permintaannya, disifatkan telah memohon untuk mendapatkan pendaftaran pada tarikh yang barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan itu mula-mula menjadi hal perkara pameran itu.

(4) Keterangan bahawa barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan yang memakai cap dagangan itu menjadi hal perkara pameran di suatu pameran antarabangsa rasmi atau pameran antarabangsa yang diktiraf sebagai rasmi hendaklah melalui perakuan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kompeten pameran itu."

Pindaan
seksyen 72

52. Seksyen 72 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "barang-barang" di mana jua terdapat perkataan-perkataan "atau perkhidmatan-perkhidmatan".

Pindaan
seksyen 75.

53. Perenggan 15(1)(d) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "meminda" dengan perkataan "mengaward".

Pindaan
seksyen 77.

54. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 77 dengan yang berikut;

"perlanjutan 77. (1) Jika masa ditentukan oleh Akta ini masa atau mana-mana peraturan yang dibuat di

bawahnya yang dalamnya sesuatu perbuatan atau perkara hendaklah dilakukan, Pendaftar boleh, melainkan jika selainnya diperuntukkan dengan nyata atau diarahkan oleh Mahkamah, atas permohonan mengikut cara yang ditetapkan, melanjutkan masa itu sama ada sebelum atau selepas tamat masa itu apabila dibayar fee yang ditetapkan.

(2) Seksyen kecil (1) tidaklah terpakai bagi seksyen 29, seksyen kecil (3) seksyen 31, seksyen 70 dan seksyen 70A kecuali jika hal keadaan yang disebutkan dalam seksyen 78 terpakai."

55. Seksyen 78 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "wilayah". Pindaan seksyen 78.

56. Seksyen 79 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan yang berikut: Pindaan seksyen 79.

"(1) Jika seseorang pemohon bagi pendaftaran sesuatu cap dagangan tidak bermastautin atau menjalankan perniagaan di Malaysia, dia hendaklah memberi kepada Pendaftar suatu alamat untuk penyampaian di Malaysia yang hendaklah alamat ejennya, dan jika dia tidak berbuat demikian, Pendaftar boieh enggan mengambil tindakan lanjut mengenai permohonan itu."

57. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 80 dengan yang berikut: Penggantian seksyen 80.

"Ejen. 80. (1) Jika seseorang pemohon bagi pendaftaran sesuatu cap dagangan tidak bermastautin atau menjalankan perniagaan di Malaysia, dia hendaklah melantik ejen untuk bertindak bagi dirinya.

(2) Jika sesuatu perbuatan dikehendaki oleh Akta ini supaya dilakukan oleh atau ke atas mana-mana orang berkaitan dengan sesuatu cap dagangan atau cap dagangan yang dicadangkan atau apa-apa prosedur berhubung dengannya, maka perbuatan itu boleh, di bawah dan mengikut Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya atau dalam hal-hal tertentu dengan kebenaran khas Pendaftar, dilakukan oleh atau ke atas ejen orang itu yang diberikuasa sewajarnya mengikut cara yang ditetapkan.

(3) Tiada orang, firma atau syarikat boleh diberikuasa untuk bertindak sebagai ejen bagi maksud-maksud Akta ini melainkan jika orang itu berdomisil atau bermastautin di Malaysia atau firma atau syarikat itu ditubuhkan di bawah undang-undang Malaysia dan orang, firma atau syarikat itu menjalankan perniagaan atau amalan secara utama di Malaysia."

Pindaan
seksyen 81.

58. Seksyen 81 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "barang-barang" dalam perenggan (1)(c) perkataan-perkataan "atau perkhidmatan-perkhidmatan".

Pindaan
seksyen 82.

59. Seksyen 82 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "barang-barang" di mana jua terdapat dalam subseksyen (2) perkataan-perkataan "atau perkhidmatan-perkhidmatan".

Pindaan
seksyen 83.

60. Seksyen 83 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perkataan "barang-barang" dalam perenggan (2)(b) perkataan-perkataan "dan perkhidmatan-perkhidmatan";

(b) dengan menggantikan perenggan (2)(e) dengan yang berikut:

"(c) untuk menetapkan fee yang hendaklah dibayar berkenaan dengan apa-apa hal atau perkara yang diperlukan bagi maksud-maksud Akta ini;"

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (2)(e) yang berikut:

"(ea) untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran dan kelayakan ejen;" dan

(d) dengan memotong subseksyen (3).

Peruntukan
kecualian.

61. (1) Pindaan-pindaan kepada seksyen 11, seksyen 14, subseksyen 19(1) dan 19(3), subseksyen 20(1), subseksyen 22(1), subseksyen 26(1), seksyen 27, seksyen 28, seksyen 42, subseksyen 46(1), 46(2), 46(3) dan 46(5), seksyen 48, perenggan 49(1)(c) dan 49(1)(d), seksyen 50, seksyen 53, seksyen 54, subseksyen 55(5) dan 55(6), seksyen 68, seksyen 70, subseksyen 77(1) dan subseksyen 79(1) Akta ibu tidaklah menyentuh apa-apa permohonan bagi pendaftaran sesuatu cap dagangan atau bagi pendaftaran sebagai pengguna berdaftar atau pendaftaran cap dagangan atau pengguna berdaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dibuat di bawah Akta ibu sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini dan peruntukan-peruntukan

itu hendaklah terpakai bagi permohonan atau pendaftaran itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, seolah-olah ia telah tidak dipinda sedemikian.

(2) Perenggan 24(c), seksyen 25, seksyen 31, perenggan 37(c) dan seksyen 51 Akta ini hendaklah terpakai hanya bagi sesuatu permohonan bagi pendaftaran sesuatu cap dagangan atau bagi pembaharuan cap dagangan atau bagi pendaftaran sebagai pengguna berdaftar atau bagi apa-apa cap dagangan yang didaftarkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, pada atau selepas mula berkuatkuasanya Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Cap Dagangan 1976 (kemudian daripada ini disebut "Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 2 Akta untuk menjelaskan bahawa Akta juga terpakai bagi cap dagangan yang didaftarkan di bawah Ordinan yang dimansuhkan masing-masingnya. Pemakaian berterusan Ordinan yang dimansuhkan bagi permohonan yang dibuat sebelum mula berkuatkuasanya Akta telah diperuntukkan dalam subseksyen 2(3) Akta.

3. *Fasal 3* bertujuan memasukkan takrif-takrif baru tertentu ke dalam subseksyen 3(1) Akta. *Fasal 3(a)(i)* dan *3(a)(v)* masing-masing mengadakan peruntukan bagi takrif "negara Konvensyen" dan "negara asing ditetapkan" untuk memudahkan pembacaan seksyen 70 dan 70A. *Fasal 3(a)(ii)* bertujuan menjelaskan bahawa konteks yang perkataan-perkataan "dalam perjalanan perdagangan" digunakan dalam Akta meliputi juga penyediaan perkhidmatan. *Fasal 3(a)(vi)* bertujuan mengadakan peruntukan bagi takrif "penentuan" untuk memudahkan pembacaan seksyen 43. *Fasal 3(a)(vii)* bertujuan memperluaskan takrif "cap dagangan" untuk meliputi bukan sahaja cap yang berhubungan dengan barang-barang tetapi juga perkhidmatan-perkhidmatan. *Fasal 3(b)* bertujuan meminda subseksyen 3(2) Akta dengan menambah perenggan baru (c) untuk membantu pentafsiran penggunaan cap dagangan berhubungan dengan perkhidmatan.

4. *Fasal 4(a)* bertujuan meminda seksyen 4 Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlantikan Pendaftar Cap Dagangan oleh Menteri. Dengan pindaan dalam *fasal 4(b)* hanya Pendahar sahaja yang menentukan kuasa dan fungsi Penolong Pendaftar di bawah Akta.

5. *Fasal 5* bertujuan mengadakan peruntukan bagi penubuhan pejabat cap dagangan.

6. *Fasal 8(a)(ii)* bertujuan meminda perenggan 10(1)(e) Akta untuk menjelaskan bahawa tanda distinktif yang disebut dalam perenggan itu adalah berasingan daripada dan tidak termasuk butir-butir yang disebut dalam perenggan 10(1)(a) hingga (d) bagi maksud menimbang tanda distinktif yang boleh didaftarkan dalam Bahagian A Daftar. *Fasal 8(b)* bertujuan memasukkan seksyen baru 10(2A) dan 10(2e) ke dalam Akta. Subseksyen baru 10(2A) memperuntukkan ujian bagi kedistinktifan berhubungan dengan barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan yang didaftarkan atau dicadang didaftarkan dalam Bahagian A Daftar dan subseksyen baru 10(2B) menghuraikan dengan lebih lanjut lagi ujian ini. Subseksyen baru ini pada dasarnya mengandungi peruntukan subseksyen 12(1) dan 12(2) yang sedia ada dalam Akta. Oleh sebab subseksyen 12(1) dan 12(2) yang sedia ada dimaksudkan supaya mempunyai kaitan dengan pendaftaran Bahagian A sahaja, maka adalah sesuai ia dimasukkan ke dalam seksyen 10 yang berkaitan dengan cap dagangan yang boleh didaftarkan dalam Bahagian A.

7. *Fasal 9(a)* bertujuan menukar ujian bagi pendaftaran cap dagangan dalam Bahagian B Daftar daripada "ia mestilah distinktif atau boleh menjadi distinktif" kepada "boleh membezakan barang atau perkhidmatan" untuk menjadikannya konsisten dengan seksyen 73 Akta dan peraturan 17 Peraturan-Peraturan Cap Dagangan 1983. Apa yang dimaksudkan dengan "boleh membezakan" dihuraikan dengan lebih lanjut dalam subseksyen baru 11(1A) (*fasal 9(b)*).

8. *Fasal 10* bertujuan menggantikan seksyen 12. Seksyen 12 baru pada dasarnya mengandungi subseksyen 12(3), 12(4) dan 12(5) yang sedia ada dalam Akta dan terpakai bagi kedua-dua pendaftaran di bawah Bahagian A dan Bahagian B.

9. *Fasal 11(a)* dan (b) bertujuan meminda seksyen 14 supaya sesuatu cap atau bahagian cap tidak didaftarkan jika ia mempunyai salah satu daripada kualiti yang disebutkan dalam seksyen itu. *Fasal 11(c)* bertujuan memasukkan perenggan baru 14fc) yang memberi Pendaftar kuasa untuk menolak permohonan bagi pendaftaran cap atau bahagian cap atas alasan kepentingan atau keselamatan negara.

10. *Fasal 12* bertujuan meminda seksyen 16 untuk menjadikannya konsisten dengan peruntukan 15 Peraturan-Peraturan Cap Dagangan 1983.

11. *Fasal 14* bertujuan memasukkan seksyen 19 baru yang mengadakan peruntukan bagi larangan ke atas pendaftaran cap dagangan yang serupa atau sama yang dipunyai oleh tuan punya yang berlainan dan yang mungkin memperdaya atau menyebabkan kekeliruan mengenai perkhidmatan yang sama atau perihal perkhidmatan yang sama atau mengenai barang-barang yang ada

hubungan rapat dengan perkhidmatan-perkhidmatan itu. Ia juga bertujuan menetapkan ujian bagi menolak permohonan bagi pendaftaran cap dagangan yang serupa atau yang sebegitu hampir-hampir menyerupai cap dagangan mengenai barang-barang yang sama atau perihal barang yang sama atau mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang ada hubungan rapat dengan barang-barang itu. Ia juga memperkatakan keadaan jika permohonan adalah mengenai perkhidmatan yang sama atau perihal perkhidmatan yang sama atau sekurang-kurangnya satu daripada permohonan itu adalah mengenai perkhidmatan dan yang lain atau yang lain-lain itu adalah mengenai barang-barang yang ada hubungan rapat dengan perkhidmatan-perkhidmatan itu. Dalam hal sedemikian, Pendaftar boleh enggan mengambil tindakan lanjut tentang pendaftaran itu sehingga hak-hak pemohon telah ditentukan oleh Mahkamah atau telah diselesaikan melalui perjanjian mengikut cara yang diluluskan oleh Pendaftar atau Mahkamah.

12. *Fasal 15* bertujuan menjelaskan bahawa subseksyen 20(1) dan 20(U) adalah pengecualian bagi subseksyen 19(1) dan 19(2). Ia menerangkan hal keadaan yang dalamnya cap yang serupa atau sama boleh didaftarkan oleh lebih daripada seorang tuan punya mengenai barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan yang sama atau perihal barang atau perkhidmatan yang sama atau mengenai barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang ada hubungan rapat dengan barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan itu.

13. *Fasal 17* bertujuan meminda seksyen 22 untuk mengadakan peruntukan bagi cap berkaitan berhubungan dengan perkhidmatan-perkhidmatan.

14. *Fasal 18* bertujuan meminda seksyen 24 untuk menjelaskan bahawa siri cap dagangan hanya boleh berbangkit dalam satu kelas sahaja.

15. *Fasal 19(b)* bertujuan meminda subseksyen 25(12) untuk mengadakan peruntukan bagi pengeluaran semula penyetujuan-terimaan baru selepas penyetujuterimaan ditarik balik mengenai cap dagangan yang patut dijadikan tertakluk kepada syarat atau batasan tambahan atau lain.

16. Pindaan-pindaan dalam *fasal 22* bertujuan menghapuskan fungsi "pejabat pos" Pendaftar. Dengan pindaan-pindaan ini, pemohon bagi pendaftaran sesuatu cap dagangan dan pembangkang berhubung secara langsung antara satu sama lain dan tidak melalui Pendaftar seperti amalan sekarang, tetapi pembangkang dan pemohon wajib memberitahu Pendaftar tentang notis bantangan dan pernyataan balas. Subseksyen baru 28(3) (*fasal 22(b)*) menghendaki pemohon menghantar pernyataan balas apabila diterima notis bantangan dan jika tidak permohonannya akan disifatkan digururkan. Seterusnya, jika pemohon mengemukakan pernyataan balas itu, kedua-dua pemohon dan pembangkang mestilah memfailkan keterangan dan ekshibit untuk menyokong

pernyataan balas atau bantangan itu (*fasal 22(c)*) dan jika salah seorang tidak berbuat demikian, permohonan atau bantangan itu akan dikira telah digugurkan. Pembantangan, walau bagaimanapun, diberi peluang untuk memberi keterangan menjawab. *Fasal 22(d)* memasukkan subseksyen 28(4) baru yang menyatakan bahawa Pendaftar hanya akan membuat keputusannya selepas menimbang hujah bertulis daripada pemohon dan pembantangan.

17. *Fasal 23* bertujuan meminda seksyen 29 supaya menjadi konsisten dengan nota birai dan peraturan 54 Peraturan-Peraturan Cap Dagangan 1983.

18. *Fasal 24(c)* bertujuan memasukkan perenggan baru 31(2)(c) untuk mencerminkan bahawa pendaftaran sesuatu cap dagangan boleh dilambatkan oleh tindakan pihak Pejabat Pusat Cap Dagangan atau mana-mana pejabat cap dagangan.

19. *Fasal 26(c)(iii)* bertujuan memasukkan perenggan baru 33(2)(c) untuk mengadakan peruntukan bagi cara memperlakukan cap dagangan berhubungan dengan perkhidmatan jika perkataan-perkataan yang memperihalkan perkhidmatan itu menjadi terkenal. Peruntukan ini adalah peruntukan pelengkap bagi perenggan 33(2)(Ca) dan (b) Akta yang pada masa ini mengadakan peruntukan bagi barang-barang sahaja.

20. *Fasal 27* bertujuan meminda subseksyen 35(2) dengan memotong perkataan-perkataan "samada bagi barang-barang yang sama atau bagi barang-barang yang berlainan" supaya menjadikan seksyen itu terpakai bagi kedua-dua barang dan perkhidmatan.

21. *Fasal 29(a)(iv)* bertujuan memasukkan perenggan baru 38(1)(c) yang merupakan ekoran daripada perenggan 38(1)(b) untuk memperuntukkan hal keadaan yang dalamnya penyediaan perkhidmatan terjumlah kepada pelanggaran.

22. *Fasal 30* bertujuan memperuntukkan bahawa penggunaan cap dagangan dengan persetujuan nyata atau tersirat tidaklah menjadi pelanggaran.

23. *Fasal 31(b)* bertujuan meminda subseksyen 41(2) untuk menjelaskan bahawa fee adalah ditetapkan bagi kedua-dua pembaharuan pendaftaran dan kemasukan semula pendaftaran cap dagangan. *Fasal 31(c)* bertujuan melarang pembaharuan jika permohonan bagi pembaharuan itu dibuat setelah luput tempoh satu tahun dari tarikh tamatnya pendaftaran yang akhir.

24. *Fasal 32* bertujuan meminda seksyen 42 untuk memperuntukkan bahawa tempoh satu tahun yang sesuatu cap dagangan disifatkan berada dalam Daftar selepas penyingkirannya dikira dari tarikh tamatnya pendaftaran yang akhir.

25. *Fasal 33* bertujuan meminda subseksyen 43(2) untuk menegaskan bahawa pengguna berdaftar yang membuat permohonan untuk membetulkan kesilapan atau mencatatkan apa-apa perubahan nama, alamat atau perihal pengguna berdaftar berbuat demikian hanya berhubungan dengan dirinya sahaja dan tidak berhubungan dengan pengguna berdaftar yang lain.

26. *Fasal 34* bertujuan membuat pelbagai pindaan kepada seksyen 46 supaya permohonan oleh orang yang terkilan di bawah seksyen itu untuk mendapatkan perintah untuk menghapuskan sesuatu cap dagangan daripada Daftar dibuat kepada Mahkamah sahaja, untuk meringankan beban Pendaftar. *Pasal 34(b)* bertujuan meminda subseksyen 46(2) untuk mengadakan peruntukan bagi hal keadaan jika pendaftaran sesuatu cap dagangan tidak perlu dihapuskan kerana tidak digunakan bagi kedua-dua barang dan perkhidmatan.

27. *Fasal 36* bertujuan memasukkan seksyen 48 baru untuk memperuntukkan sistem perekodan yang mudah berkenaan dengan pengguna berdaftar.

28. *Fasal 37* bertujuan memudahkan peruntukan seksyen 49 berhubungan dengan pembatalan pendaftaran pengguna berdaftar.

29. *Fasal 38* bertujuan memotong seksyen 50.

30. *Fasal 39* bertujuan memotong seksyen 53 Akta yang mengadakan peruntukan bagi pendengaran oleh Pendaftar. Pendengaran tidak lagi perlu kerana perekodan pengguna berdaftar adalah dengan cara pemberitahuan kepada Pendaftar dan tiada pengawalan ke atas hubungan kontraktual antara tuan punya dan pengguna berdaftar dijalankan oleh Pejabat Pendaftaran di bawah pindaan dalam *fasal 36*.

31. *Fasal 40* bertujuan menghapuskan rayuan kepada Mahkamah berbangkit daripada pemotongan seksyen 53 dalam *fasal 39*.

32. *Pasal 41(b)* bertujuan mengadakan peruntukan bagi penyerahhakan dan pemindahan cap dagangan tak berdaftar. *Fasal 41(c)* bertujuan melarang penyerahhakan dan pemindahan cap dagangan jika akibat daripada penyerahhakan atau pemindahan itu lebih daripada seorang tuan punya akan mempunyai hak eksklusif untuk menggunakan cap dagangan yang serupa atau yang sebegitu hampir-hampir menyerupai. *Fasal 41(d)* bertujuan meminda subseksyen 55(5) untuk menghendaki penyerahhakan tanpa muhibbah diiklankan. Ia juga menghapuskan keperluan mendapatkan arahan Pendaftar untuk mengiklankan penyerahhakan tanpa muhibbah. *Fasal 41(e)* bertujuan memotong subseksyen 55(6) berbangkit daripada pengadaan subseksyen baru 55(1A).

33. *Fasal 42(b)(iv)* bertujuan menambah perenggan baru (c) kepada subseksyen 56(3) berbangkit daripada pengadaan cap dagangan mengenai perkhidmatan.

34. *Fasal 45* bertujuan meminda subseksyen 64(3) untuk mengadakan peruntukan bagi penerimaan keterangan bukan sahaja bagi kelaziman perdagangan berhubungan dengan barang-barang tetapi juga kelaziman perniagaan berhubungan dengan penyediaan perkhidmatan.

35. *Fasal 47* bertujuan meminda seksyen 66 untuk membolehkan Menteri dan bukannya Yang di-Pertuan Agong membuat perintah bagi maksud seksyen 66.

36. *Fasal 48* bertujuan memotong seksyen 68 untuk menghapuskan pilihan yang diberikan kepada pemohon untuk merujukkan permohonan bagi pembetulan Daftar kepada Pendaftar terlebih dahulu.

37. *Fasal 49* bertujuan memasukkan kepala baru bagi Bahagian XIV setelah mengambil kira kesertaan Malaysia dalam konvensyen antarabangsa berhubungan dengan cap dagangan.

38. *Fasal 50* bertujuan meminda seksyen 70 untuk mengadakan peruntukan bagi hak keutamaan di Malaysia berkenaan dengan permohonan bagi pendaftaran jika permohonan bagi perlindungan telah dibuat di negara Konvensyen atau negara asing ditetapkan. Ia juga menjelaskan bahawa keutamaan itu bergantung pada permohonan bagi pendaftaran itu dibuat dalam tempoh enam bulan dari tarikh permohonan di negara Konvensyen atau negara asing ditetapkan yang berkenaan dan bahawa tuan punya cap dagangan itu tidak boleh mendapat ganti rugi bagi pelanggaran yang sebelum dari tarikh yang permohonan bagi pendaftaran cap dagangan itu dibuat di Malaysia. Ia juga memperuntukkan bahawa permohonan sedemikian hendaklah diperlakukan mengikut cara yang sama seperti permohonan biasa bagi pendaftaran.

39. *Fasal 51* bertujuan memasukkan seksyen baru 70A yang mengadakan peruntukan bagi perlindungan cap dagangan mengenai barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan di pameran antarabangsa.

40. *Fasal 54* bertujuan meminda seksyen 77 dengan memasukkan kehendak baru bagi perlanjutan masa, iaitu pembayaran fee. Ia juga menyatakan secara spesifik seksyen-seksyen yang berkenaan dengannya perlanjutan masa tidak boleh diberikan.

41. *Fasal 56* bertujuan meminda seksyen 79 untuk menghendaki pemohon asing memberikan alamat ejennya sebagai alamat bagi penyampaian di Malaysia.

42. *Fasal 57* bertujuan memasukkan seksyen 80 baru. Seksyen baru ini menghendaki pemohon asing melantik ejen dan ejen itu mestilah bermastautin atau berdomisil di Malaysia dan menjalankan perniagaan atau amalan secara utama di Malaysia.

43. *Fasal 60(b)* bertujuan meminda seksyen 83 Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pembuatan peraturan-peraturan berkenaan dengan fee secara amnya dan pendaftaran dan kelayakan ejen. *Fasal 60(d)* bertujuan memotong subseksyen 83(3) untuk menghapuskan kehendak membentangkan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta di hadapan kedua-dua Dewan Parlimen,

44. *Fasal 61* memperkatakan peruntukan-peruntukan kecualian.

45. Pindaan-pindaan lain yang tidak disebut secara spesifik ialah pindaan-pindaan berbangkit, yang perlu dibuat dengan pengadaan perlindungan cap dagangan berhubung dengan perkhidmatan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1285.]